

**YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR (ZERO WASTE)
SEKOLAH KEBANGSAAN JAWI
25 MEI 2012
9.00 PAGI**

Yang Berusaha **Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**
Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Dihormati
Encik Loh Joo Huat
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia **Tuan Haji Ibrahim bin Zainal**
Guru Besar Sekolah Kebangsaan Jawi

Yang Dihormati **Encik Mohamad Dziaudin b. Mat Saat**
Yang DiPertua Persatuan Ibu Bapa & Guru Sekolah Kebangsaan Jawi

Yang Dihormati **Puan Kim Tan**
Wakil Pengurusan Continental Automobile

Yang Dihormati Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Jawi

Wakil media

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terima kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan Program Zon Waste Sekolah Kebangsaan Jawi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan Majlis Pelancaran Sisa Sifar Sekolah Kebangsaan Jawi pada hari ini.

Untuk makluman semua, sekolah ini merupakan sekolah yang ketiga yang melancarkan sisa sifar (zero waste) selepas Sekolah Kebangsaan Permatang To' . Kandu dan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) True Light Juru. Saya juga dimaklumkan bahawa Sekolah Kebangsaan Jawi telah dinobatkan sebagai naib johan di dalam Pertandingan Sekolah Hijau iaitu dalam tahun 2011. Tahniah diucapkan. Selain itu, program membuat sabun sekolah ini telah dipilih menyertai Anugerah Inovasi Peringkat Kebangsaan. Hasil tanaman dan kompos sekolah ini dijual untuk mengisi tabung aktiviti sekolah.

Penyertaan Sekolah Sisa Sifar ini adalah terbuka kepada semua sekolah yang menyertai Pertandingan Sekolah Hijau yang mana kita telah lancarkan pada 25 Jan 2011 di Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi , Butterworth. Setakat ini, MPSP hanya menerima permohonan penyertaan dari sekolah rendah sahaja. MPSP belum lagi menerima penyertaan dari sekolah menengah mungkin kerana untuk mencapai sasaran yang kita tetapkan memerlukan kemahuan dan komitmen yang tinggi. Perkara ini boleh di atasi seperti bak kata pepatah " Dimana Ada Kemahuan Di Situ Ada Jalan". Aktiviti kitar semula ini perlu dijadikan rutin amalan kita, untuk memastikan kejayaan bersama.

Justeru itu, saya mengharapkan banyak lagi sekolah-sekolah akan mengambil pendekatan yang sama untuk melancarkan sisa sifar (zero waste) di sekolah masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan yang sekalian,

Maksud sisa sifar ialah semua sisa berbentuk pepejal yang boleh dikitar semula dikumpul untuk kitar semula. Manakala bagi sisa organik kantin pula akan dibuat kompos. Bagi bahan-bahan yang tidak boleh dikitar semula dinasihatkan supaya mengelak dari membeli atau kurang menggunakanannya.

Peranan ibu bapa, guru dan murid ialah mengubah corak hidup kita yang membuang semua barang yang tidak dikehendaki ke dalam tong sampah. Barang-barang ini sebenarnya boleh dikitar semula.

Selain itu, guru juga diperlukan di sini bagi membantu pihak MPSP memberikan pengajaran kepada semua murid mengenai kitar semula, eko komuniti, perancangan hijau serta aktiviti 4R (Rethink, Reduce, Reuse & Recycle). Kefahaman murid adalah penting bagi memastikan kitar semula yang kita laksanakan berjaya. Justeru itu, adalah lebih baik kitar semula itu kita jadikan sebagai amalan kerana amalan yang baik memberikan manfaat kepada semua.

Tujuan program pada hari ini ialah untuk menerima pendekatan secara holistik bagi pengurusan sisa-sisa pejabat, kantin dan kebun serta menggalakkan penambahbaikan berterusan. Secara tak langsung, ini akan membantu MPSP mengurangkan kos untuk pelupusan sisa pepejal dengan pengurusan sampah yang betul.

Saya menyeru pihak sekolah agar menerapkan nilai-nilai hijau di kawasan persekitaran sekolah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu menjadikan Pulau Pinang lebih bersih & hijau. Sihat dan selamat hasrat Kerajaan Negeri ini juga seiring dengan fokus dan visi MPSP iaitu Clean, Greener, Safer, Healthier Penang.

Majlis Perbandaran Seberang Perai berusaha untuk “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan”, penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti mestilah dipertingkatkan sejajar dengan peredaran semasa.

Program Zon Waste di sekolah-sekolah ini adalah selaras dengan dua Fokus 2012, Majlis Perbandaran Seberang Perai iaitu;

- Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan
- Fokus 2 : Mewujudkan Eko-Komuniti

Setiap hari MPSP telah menghantar 500 ton sisa pepejal iaitu 220 tan setiap hari ke Pusat Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar iaitu jumlah perbelanjaan RM330,000 sebulan-bersamaan RM3.96 juta setahun. Justeru itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Ahli Jawatankuasa LA 21 berusaha memberi pendedahan dan pendidikan mengenai Sisa Sifar ini bagi membolehkan kita cekap menguruskan sisa pepejal. Bagi mencapai hasrat sisa sifar, ahli-ahli pasukan kerja LA21 akan mengaudit setiap bulan dan memberi khidmat nasihat atau cadangan bagi peningkatan kualiti alam sekitar.

Adalah diharapkan dalam tempoh masa 2 bulan ini, sisa-sisa buangan, tidak lagi menjadi sampah tetapi menjana sumber untuk pendapatan sekolah. Justeru itu, MPSP akan mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Sekolah Sisa Sifar yang mana akan diberikan sempena Perayaan Hari Majlis dalam bulan Julai tahun ini bagi menghargai sekolah-sekolah yang mengambil bahagian.

Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Untuk makluman semua, MPSP kini sedang giat mengadakan kempen kitar semula di sekolah-sekolah tadika supaya pada awal peringkat persekolahan, mereka telah diberi pendedahan kepada pentingnya menjaga sumber alam demi masa depan.

Pada hari ini juga, kita adakan satu kempen keselamatan jalan raya LA21 tajaan Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd. Aktiviti kempen yang diadakan adalah seperti ceramah, kuiz dan permainan lalu-lintas. Kempen ini sebagai insentif tambahan kepada sekolah yang menyertai sekolah hijau.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan komitmen penuh terhadap program ini dan saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti.

Dengan lafaz bimillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pelancaran Sisa Sifar Sekolah Kebangsaan Jawi.

Sekian, terima kasih.